

| | | | |
|-------------|--------------------------------|-------------|---------------------|
| Headline | PELIHARALAH NAMA BAIK MALAYSIA | | |
| Media Title | Utusan Malaysia | | |
| Date | 01 Aug 2016 | Color | Full Color |
| Section | Dlm Negeri | Circulation | 171,663 |
| Page No | 11 | Readership | 563,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 473 cm ² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 9,349 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 28,046 |



PELIHARALAH NAMA BAIK MALAYSIA



Melaporkan dari MADINAH

“MALAYSIA BAGUS”, “Malaysia boleh”, “Assalamualaikum Malaysia”. Itulah antara kata-kata yang dilafazkan oleh warga asing di Madinah apabila terserempak dengan rombongan wartawan Malaysia.

Dari satu segi mungkin ramai antara kita menganggap ia perkara biasa apatah lagi di Mekah dan Madinah yang sudah tidak asing bagi umat Islam menunaikan ibadah haji dan umrah. Pada musim haji, kedatangan jemaah Malaysia amat dinanti-nantikan bukan sahaja oleh peniaga-peniaga tetapi pengurusan haji Arab Saudi sendiri.

Walaupun rakyat kita cukup popular dengan aktiviti membeli-belah namun apa yang penting adalah disiplin jemaah haji Malaysia berbanding jemaah haji sesetengah negara. Selain dianggap berdisiplin, jemaah kita juga dilihat cukup tertib dan berilmu dalam melaksanakan ibadah haji.

Segalanya disebabkan langkah pengurusan Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) yang berusaha melakukan persiapan sebaik mungkin kepada jemaah haji sebelum mereka berangkat ke Tanah Suci.

Kini reputasi imej Malaysia di Arab Saudi pada musim haji bergantung kepada 22,320 orang jemaah haji yang akan mula tiba di Madinah pada 4 Ogos ini. Ada antara mereka adalah petani, ada antara mereka memegang jawatan tinggi kerajaan dan sudah pasti ada antara mereka usahawan berjaya serta ada juga yang masih di peringkat umur remaja, namun di bahu merekalah terletak tanggungjawab untuk me-

melihara nama baik Malaysia.

Tidak dapat dinafikan dalam 22,320 orang jemaah itu masing-masing ada perangai, pendirian, fahaman dan pemikiran sendiri tetapi semua itu harus dilupakan apabila mereka melangkah kaki meninggalkan tanah air untuk menunaikan rukun Islam kelima itu.

Dalam hati mereka perlu hanya tertanam hanya satu niat sahaja iaitu beribadah sepenuhnya kepada Allah.

Jangan dibawa sebarang sentimen atau perangai tidak elok ke tanah suci. Jangan membuang masa untuk memperkatakan soal keduniaan khususnya isu-isu di tanah air.

Tinggalkan sahaja semua itu, tiada faedah pun mahu membazirkan masa keemasan untuk beribadah kepada Allah untuk bercakap apatah lagi berbalah soal yang akan memungkin pahala kita di tanah suci ‘tercicir’.

Kota suci Mekah dan Madinah bukanlah pusat pertemuan jemaah haji untuk berbincang isu-isu melibatkan negara kita, tetapi ia adalah medan untuk umat Islam memperkukuhkan ketakwaannya kepada Allah dan mengeratkan persaudaraan sesama Islam.

Mungkin rakan sebilik kita bertentangan fahaman politik dan berbeza pemikiran tetapi jangan menjadikan ia satu halangan serta pencetus masalah. Mahu

tidak mahu, suka atau tidak, terimalah hakikat bahawa apabila menjejak kaki ke tanah suci, seluruh jemaah haji Malaysia hanya mempunyai satu sahaja ikatan iaitu persaudaraan sesama Islam. Kukuhkanlah perpaduan melalui keseragaman kain ihram yang dipakai.

Justeru jangan cemari imej Malaysia dengan melakukan perbuatan tidak sewajarnya. Kalaulah jemaah-jemaah haji kita sebelum ini boleh mempertahankan nama

baik Malaysia sudah pasti jemaah haji tahun ini juga boleh melaku-

kan perkara yang sama. Apa yang penting mereka membersihkan hati dan meninggalkan kekotoran dalam diri serta menanam tekad untuk mendapat haji mabrur.

Dalam soal bagaimana mahu melaksanakan setiap aktiviti rukun haji segala pasti akan diuruskan oleh Tabung Haji.

Mengkaji satu persatu persiapan yang dilakukan oleh agensi itu adalah jelas seperti tahun-tahun sebelumnya Tabung Haji sudah bersedia sepenuhnya bagi memastikan bukan sahaja nama baik Malaysia terpelihara tetapi juga jemaah haji Malaysia dapat beribadah dengan sempurna.

Ketika melaksanakan ibadah haji, jemaah Malaysia pasti akan berhadapan dengan cabaran dan dugaan tetapi dalam keadaan apa sekali pun jangan mudah melatah apatah lagi semasa berhadapan dengan kerehnan umat Islam yang mempunyai pendekatan dan budaya berbeza.

Banyak-banyaklah bersabar kerana itulah faktor utama kejayaan melaksanakan ibadah haji. Justeru berusaha untuk menunaikan ibadah tersebut dengan sempurna dan mengekalkan jemaah haji Malaysia terbaik di dunia.

Tidak dapat dinafikan dalam 22,320 orang jemaah itu masing-masing ada perangai, pendirian, fahaman dan pemikiran sendiri tetapi semua itu harus dilupakan apabila mereka melangkah kaki meninggalkan tanah air untuk menunaikan rukun Islam kelima itu.

| | | | |
|------------|--------------------------------|-------------|---------------------|
| Headline | PELIHARALAH NAMA BAIK MALAYSIA | | |
| MediaTitle | Utusan Malaysia | | |
| Date | 01 Aug 2016 | Color | Full Color |
| Section | Dlm Negeri | Circulation | 171,663 |
| Page No | 11 | Readership | 563,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 473 cm ² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 9,349 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 28,046 |

